

OKU DOBI

OKU DOBI SDN. BHD.

(914933-X)



OKU Dobi Sdn Bhd jadi bukti
kejayaan insan kurang upaya



Kedai dobi
sumber rezeki OKU

Hidup sebagai orang kurang upaya (OKU) tidak menjadi penghalang kepada golongan itu menjalani kehidupan seharian seperti manusia lain.

Kekurangan tersebut tidak pernah mematahkan semangat mereka untuk menjadi seorang insan yang berjaya malah sentiasa berusaha ke arah itu.

Waima, ada di antara OKU lebih bersikap optimis dan tidak malu dengan kekurangan diri sendiri berbanding insan lain.

Kini, masyarakat dapat melihat pelbagai bidang turut diceburi mereka termasuk urutan, kraf tangan, teknologi maklumat dan perniagaan.

Mereka boleh diibaratkan sebagai

golongan serba boleh walaupun mempunyai masalah pembelajaran, sindrom down dan kecacatan anggota.

Berusaha untuk mengubah masa depan sendiri membuatkan sembilan OKU menjadi rakan kongsi dan nekad untuk mengusahakan sebuah kedai dobi.

Lokasi strategik

BEROPERASI di Zon A, tingkat dua tempat meletak kereta pusat membeli belah Mid Valley adalah lokasi sesuai dan mudah diketahui umum.

Pasti setiap pengunjung perasan akan kewujudannya

setiap kali memasuki pintu parkir untuk menuju ke travelator berhampiran.

Mazayu berkata, kajian telah dilakukan Worldwide Preneur bagi memastikan bilangan pengunjung melalui laluan itu sebelum beroperasi.



“ Seronok bekerjasama dengan rakan lain dan memperoleh duit gaji. Saya ditugaskan membuat penandaan dan menggosok.”

- Mohd Nur Ikram Badri

Mesin basuh mesra OKU

USAHA mereka bergelar usahawan menjadi kenyataan apabila OKU Dobi Sdn Bhd dibuka dan beroperasi 25 Oktober tahun lalu.

Sokongan beberapa pihak menjadi pemangkin dan pembakar semangat kepada mereka untuk mengorak langkah dalam bidang itu.

Jurulatih, Mazayu Kasan, 40, berkata, antara pihak terlibat melibatkan Worldwide Preneur, Kumpulan Ambank, Rumah Amal Cheshire, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan pengurusan Mid Valley.

Menurutnya, Worldwide Preneur adalah sebuah badan yang mengeluarkan mesin basuh mesra OKU dan mengilhamkan bagi pembukaan kedai dobi itu.

“Pada asalnya, Worldwide Preneur hanya ingin

memilih tiga orang untuk bekerja di sebuah kedai dobi yang menggunakan mesin basuh mesra OKU ini.

“Tetapi, cadangan membuka sebuah kedai dobi disuarakan, di mana ia akan dikendalikan OKU sendiri,” katanya kepada Sinar Harian ketika ditemui di kedai dobi di sini, semalam.

Menurutnya, teori dan latihan praktikal diterapkan kepada mereka sepanjang menjalankan latihan di Rumah Amal Cheshire dan beberapa lokasi lain sebelum pembukaan kedai dobi berkenaan.

Beliau berkata, modal permulaan diperoleh daripada geran pelancaran JKM RM2,700 setiap orang, bantuan RM25,000 dari Ambank dan sumbangan perseorangan dikumpulkan Worldwide Preneur.



Ikram memasukkan pakaian ke mesin basuh



Bahagian menggosok pakaian.



Kaunter barangan pelanggan.



“Hasil kajian mendapati dalam masa satu jam sahaja seramai 50 pengunjung melalui kawasan berkenaan.

“Selain berkunjung ke sini untuk tujuan membeli belah tetapi pengunjung juga berpeluang untuk menghantar pakaian yang ingin dicuci,” katanya.

Menurut Mazayu, antara perkhidmatan ditawarkan termasuk cucian dan menggosok. Beliau berkata, harga dikenakan bermula dari RM3 hingga RM20 sehelai mengikut jenis cucian dipilih.

Platform OKU berdikari

OPERASI kedai dobi itu dilaksanakan sembilan rakan kongsi yang dibahagikan kepada tiga kumpulan.

Menurut Mazuya, mereka semua dilatih melakukan setiap proses supaya tidak hanya mahir dengan satu tugas sahaja.



Mesin basuh mesra OKU

sebaliknya.

“Selain itu, mereka juga perlu ber-

“Walau apa pun situasi yang dihadapi mereka dididik supaya bermesra dengan semua pelanggan.”

- Mazayu

“Saya ditugaskan untuk menjaga kaunter dan melakukan pengiraan tetapi kami tetap saling membantu dan melakukan kerja bersama.

“Pada mulanya agak sukar



Mazaya berkata, penglibatan mereka dalam bidang perniagaan kedai dobi itu menjadi platform supaya lebih berdikari kerana semua kerja dilakukan sendiri.

“Mungkin bagi kita, ia adalah proses biasa dan mudah dilakukan tetapi bagi golongan OKU tanggungjawab ini adalah pembelajaran baru bagi mereka.

“Mula beroperasi seawal jam 9.30 pagi hingga 9.30 malam, mereka akan bertugas mengikut dua syif iaitu pagi dan petang,” katanya.

Katanya, setiap kumpulan melibatkan tiga orang dan mereka akan bercuti mengikut giliran selepas bekerja dua hari.

Beliau berkata, seorang akan dipilih untuk menjadi ketua dan sebagai pemantau kepada kumpulan itu berdasarkan kefahaman mereka terhadap semua kerja.

Hasil perkhidmatan

WALAUPUN menjalankan perniagaan bersama tetapi mereka juga tidak ketinggalan memperoleh pendapatan bulanan.

Menurut Mazayu, secara tidak langsung ia memberi kepuasan kepada mereka selepas berpenat lelah menguruskan kedai dobi itu. Katanya, bagi permulaan mereka mensasarkan pulangan RM3,000 setiap bulan dan berjaya dilaksanakan.

“Jika banyak pakaian dihantar pelanggan, pendapatan bulanan lebih atau

reka juga perlu berhadapan dengan pelbagai kerenah pelanggan sama ada positif atau negatif.

“Walau apa pun situasi yang dihadapi mereka dididik supaya bermesra dengan semua pelanggan,” katanya.

Mazayu berkata, permohonan maaf perlu dilafazkan sekiranya kesalahan berlaku di pihak mereka atau sebaliknya.

“Sekiranya bil yang dikeluarkan kepada pelanggan tersalah kira maka kami akan menghubungi pelanggan dan mengembalikan duit baki,” katanya.

Tiga jenis cucian

KEPUASAN dan keselesaan pelanggan menjadi agenda utama kedai dobi OKU itu maka pelbagai material cucian dilakukan.

Muhammad Syazani Sazali, 24, berkata, pelanggan diberi pilihan sebanyak tiga jenis cucian melibatkan *A Wash*, *Quick 30* dan *Heavy Stain*. Menurutnya, kebanyakan mereka lebih gemar memilih *A Wash*.



Sikap mesra pelanggan diterapkan dalam layanan harian



Mazayu memantau kerja penandaan.

bagi saya menyesuaikan diri kerana sebelum ini bekerja sebagai jurujual,” katanya.

Muhammad Syazani berkata, selepas beberapa bulan saya semakin mahir mengendalikan peralatan yang disediakan dan menyesuaikan diri.

Beliau berkata, kerjasama semua untuk dalam melakukan setiap proses membuatkan cucian dapat dilakukan dengan lancar.